



### Kenyataan Privasi SELangkah

Kenyataan Privasi ini menyatakan bagaimana Selangkah Ventures Sdn Bhd (No. Syarikat: 1379166-D), sekutu dan anak syarikat Selgate Healthcare Sdn Bhd, sebuah syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), (selepas ini dirujuk sebagai, "**SELangkah**", "**kita**", "**kami**", atau "**kami**"), akan memperoleh, bagaimana kami dapat menggunakan dan menyimpan data peribadi, dengan siapa kami mungkin akan kongsikannya, dan bagaimana anda boleh menggunakan hak dan pilihan anda sehubungan dengan pemrosesan maklumat kami. Kenyataan Privasi ini juga menerangkan langkah-langkah yang kami ambil untuk melindungi data peribadi yang kami perolehi dan bagaimana anda boleh menghubungi kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai amalan privasi kami yang berdasarkan Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**").

Kenyataan Privasi ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penggunaan Selangkah ("**Syarat**"). Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua istilah yang dimulakan dengan huruf besar yang terkandung dalam Kenyataan Privasi ini akan mempunyai makna yang diberikan kepadanya dalam Syarat.

Jika terdapat sebarang ketidaksesuaian atau kekaburan antara yang syarat-syarat yang dinyatakan di dalam versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

1. Kenyataan Privasi ini menjelaskan amalan kami mengenai data peribadi yang kami peroleh, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - a) muat turun dan penggunaan Selangkah melalui mana-mana Peranti Mudah Alih Berdaftar, Selangkah Mobile, sistem pendaftaran automatik yang disediakan di mana-mana premis perniagaan yang mengambil bahagian untuk memudahkan proses penjejakan kontak ("**contact tracing**");
  - b) penggunaan semua kandungan Selangkah, produk-produk, perkhidmatan dan fungsi yang boleh didapati melalui laman web Selangkah, laman sosial media dan platform digital lain yang kami operasi dan mengawal, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga dengan merujuk kepada Kenyataan Privasi ini ("**laman**");
  - c) melalui sumber pihak ketiga, termasuklah entiti kerajaan lain, rakan niaga, syarikat iklan dan media sosial, penyedia perkhidmatan, vendor ("**Pihak Ketiga**"); dan
  - d) melalui titik pengumpulan data lain yang merujuk kepada Kenyataan Privasi ini,

(secara kolektif digelar sebagai "**Saluran** ")



2. Bergantung kepada Saluran yang anda gunakan, anda bersetuju dengan syarat-syarat Kenyataan Privasi ini dan anda akan dianggap menyetujui pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda berdasarkan Kenyataan Privasi ini. Untuk tujuan Kenyataan Privasi ini, istilah "data peribadi" dan "pemprosesan" akan mempunyai makna yang ditentukan dalam PDPA.

### **JENIS DATA PERIBADI**

3. Kami mengumpul data peribadi anda melalui pelbagai cara dan daripada pelbagai sumber termasuklah, tanpa batasan, ketika anda menggunakan Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah, ketika anda Menggunakan Peranti Mudah Alih Berdaftar anda untuk mengimbas kod QR milik Agensi Awam atau Penyedia Perkhidmatan yang Diluluskan, sistem pendaftaran automatik yang ditubuhkan di mana-mana premis perniagaan yang mengambil bahagian untuk memudahkan proses penjejakan kontak ("*contact tracing*"), dan apabila menghubungi kami melalui e-mel atau telefon. Bergantung kepada saluran yang anda gunakan dan sifat interaksi anda dengan kami, anda mungkin memberi kami jenis data peribadi tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - a) berkaitan dengan Akaun anda, seperti nombor Akaun anda, nombor ID Selangkah;
  - b) maklumat mengenai anda daripada sumber data yang kami luluskan, misalnya, Penyedia Perkhidmatan yang Diluluskan;
  - c) maklumat dari Peranti Mudah Alih Berdaftar anda termasuklah tetapi tidak terhad kepada maklumat lokasi anda, alamat IP, alamat MAC, antara muka rangkaian, jenis dan model peranti, dan bentuk data lain daripada Peranti anda sehubungan dengan penggunaan Selangkah atau Ciri-Ciri Selangkah;
  - d) maklumat yang berkaitan dengan versi Selangkah Mobile pada peranti anda atau penggunaan Selangkah atau Ciri-Ciri Selangkah tetapi tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan penggunaan pelbagai fungsi serta izin Peranti seperti kebenaran untuk mengeluarkan notis pemberitahuan, menggunakan perkhidmatan lokasi, menggunakan sebarang perkhidmatan penyambungan dan maklumat-maklumat yang serupa dengannya;
  - e) laporan kesihatan dan/atau maklumat anda hasil daripada Selangkah Saringan;
  - f) maklumat hubungan anda seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon, alamat pos;
  - g) maklumat demografi anda seperti umur, tarikh lahir, status perkahwinan, bangsa dan jantina;
  - h) maklumat bil dan kewangan;



- i) Log Masuk Tauliah anda untuk menggunakan Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah, kandungan yang dihasilkan, maklumat akaun pengguna seperti nama pengguna dan kata laluan, data masa dan lokasi;
- j) kesimpulan yang diambil daripada mana-mana maklumat yang dinyatakan di atas untuk membuat profil mengenai anda yang menggambarkan keutamaan, ciri, trend psikologi, kecenderungan, tingkah laku, sikap, kecerdasan, kebolehan dan kepintaran anda; dan
- k) sebarang data peribadi atau maklumat lain yang anda tawarkan melalui Saluran tersebut.

#### **BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN DATA PERIBADI**

- 4. Sila baca Kenyataan Privasi ini untuk memahami bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi yang kami mungkin kumpulkan daripada anda. Dengan menawarkan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan Kenyataan Privasi ini dan pengumpulan, penggunaan, akses, pemindahan, penyimpanan dan pemrosesan maklumat peribadi anda seperti yang dijelaskan di dalam Kenyataan Privasi ini. Kami menggunakan data peribadi yang kami peroleh untuk pelbagai tujuan ("Tujuan"), termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - a) tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa Kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 Selangkah dan ciri Selangkah;
  - b) untuk membantu, memproses dan memudahkan penggunaan Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah, termasuk mendaftar dan membuka akaun anda, memudahkan pendaftaran masuk ke dalam akaun anda dan penggunaan sebarang fungsi Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah;
  - c) untuk melaksanakan arahan anda atau menjawab sebarang pertanyaan, maklum balas atau aduan yang anda tawarkan atau bagi pihak anda, atau sebaliknya untuk tujuan memberi respons atau berurusan dengan interaksi anda dengan kami;
  - d) untuk tujuan menyimpan atau membuat sandaran data anda bagi perancangan luar jangka atau kesinambungan perniagaan;
  - e) untuk mengisi Data Profil anda bagi penggunaan Selangkah dan Bahan Selangkah;
  - f) untuk mengisi terlebih dahulu sebarang borang elektronik, halaman pendaftaran pengguna atau skrin di mana-mana Saluran Penerima yang Diluluskan dengan Data Profil anda;
  - g) menguruskan respons dan komunikasi kami dengan anda;
  - h) menguruskan latihan dan jaminan kualiti kakitangan;
  - i) untuk menghasilkan data, laporan dan statistik tanpa nama atau digabungkan dengan cara yang tidak mengenal pasti anda sebagai individu;



- j) untuk menjalankan aktiviti pemasaran;
  - k) untuk menyimpan rekod yang diperlukan untuk keselamatan, tuntutan atau tujuan undang-undang lain;
  - l) untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan;
  - m) mematuhi undang-undang dan peraturan;
  - n) untuk tujuan lain yang diwajibkan atau diizinkan oleh undang-undang, peraturan, panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan;
  - o) untuk menjawab pertanyaan anda berkaitan dengan peluang pekerjaan atau permintaan lain;
  - p) untuk menghantar tawaran dan bahan promosi yang berkaitan dengan perkhidmatan kami dan untuk tujuan pemasaran lain dengan persetujuan anda;
  - q) untuk mengesan maklumat khusus pengguna berkenaan dengan laman mana yang pengguna akses atau lawat;
  - r) untuk meningkatkan dan menyesuaikan kualiti pengalaman semasa anda berinteraksi dengan Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah;
  - s) untuk operasi harian dan tujuan pentadbiran termasuklah pengurusan akaun, bil dan koleksi, audit, laporan dan penyiasatan;
  - t) untuk tujuan menegakkan atau mempertahankan hak undang-undang kami dan/atau mendapatkan nasihat berkaitan dengan undang-undang;
  - u) untuk membantu dalam pencegahan, pengesanan atau penyiasatan jenayah atau kemungkinan kegiatan jenayah atau untuk pentadbiran keadilan;
  - v) untuk tujuan keselamatan dan audit dalaman;
  - w) analisis data termasuk untuk mengekalkan dan meningkatkan produk dan perkhidmatan kami;
  - x) untuk tujuan lain yang mungkin diarahkan atau dipersetujui oleh anda; dan
  - y) untuk semua tujuan lain yang berkaitan dengan atau secara kebetulan berkaitan dengan perkara di atas.
5. Semasa anda menggunakan Selangkah atau Ciri-Ciri Selangkah, kami boleh mengumpulkan data peribadi yang berkaitan dengan individu lain daripada anda, misalnya jika anda adalah Organisasi. Dalam situasi begini:
- a) Anda hendaklah, sebelum mendedahkan kepada kami data peribadi yang berkaitan dengan individu lain -
    - i. memberitahu individu-individu ini (A) bahawa anda akan memberikan data peribadi mereka kepada kami; dan (B) Tujuan kami akan kumpul, guna, dedah dan proseskan data peribadi mereka, seperti yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi ini dan sebagaimana yang kami maklumkan kepada anda dari semasa ke semasa; dan



- ii. mendapatkan persetujuan daripada individu yang data peribadinya akan didedahkan, membenarkan (A) anda untuk mendedahkan data peribadi kepada kami; dan (B) kami untuk mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi individu ini, untuk Tujuan tersebut.
- b) Anda mewakili dan memberi jaminan bahawa -
- i. data peribadi yang anda akan berikan kepada kami atau telah berikan kepada kami adalah, lengkap, tepat, benar dan betul; dan
  - ii. anda mempunyai kuasa dan persetujuan yang sah daripada individu-individu ini untuk bertindak bagi pihak mereka dan menawarkan data peribadi mereka kepada kami untuk mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses untuk Tujuan.

### **PILIHAN**

6. Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak menawarkan data peribadi anda atau membatalkan persetujuan anda terhadap Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah bagi memproses data peribadi anda (seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 38 PDPA 2010). Walau bagaimanapun, kegagalan untuk memberi data peribadi atau pembatalan persetujuan anda untuk memproses data peribadi boleh menyebabkan kami tidak dapat melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan yang berkesan bagi penjejakan kontak. Kami mungkin tidak dapat menghubungi anda sekiranya kami telah mengenal pasti bahawa seseorang yang berisiko dijangkiti Covid-19 telah mengunjungi premis yang sama dengan anda.
7. Sekiranya anda memilih untuk tidak menawarkan maklumat tertentu atau membatalkan persetujuan anda untuk penggunaan dan pendedahan data peribadi oleh kami, kami mungkin juga tidak dapat menawarkan produk dan perkhidmatan tertentu kepada anda dan anda mungkin tidak dapat Menggunakan Selangkah atau Ciri-Ciri Selangkah, atau mana-mana bahagiannya.

### **TETAPAN KUKI DAN TEKNOLOGI YANG SERUPA**

8. Kami mungkin menggunakan kuki, suar web dan teknologi serupa di Saluran kami yang mengumpulkan maklumat tertentu tentang anda dengan cara automatik. "Kuki" (*cookie*) ialah fail teks kecil yang laman web hantar kepada komputer pengunjunnya atau peranti lain yang disambung kepada Internet untuk mengenal pasti pelayar



pengunjung ataupun untuk menyimpan maklumat atau tetapan di dalam pelayar. Sebuah “suar web” (*web beacon*), juga dikenali sebagai tag Internet, tag piksel atau GIF jelas, merangkaikan laman web kepada pelayan web dan kuki mereka dan boleh digunakan untuk menghantar maklumat yang dikumpul melalui kuki semula kepada pelayan web. Bergantung kepada Saluran (seperti rangkaian iklan, rakan pengiklanan digital dan platform media sosial), kami mungkin mengumpulkan maklumat mengenai aktiviti dalam talian anda, dari masa ke semasa dan merentasi laman web pihak ketiga. Maklumat tersebut boleh digunakan untuk menawarkan iklan mengenai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan dengan minat anda atau menawarkan produk dan perkhidmatan yang dipertingkatkan.

9. Kami mungkin mengumpulkan log pelayan. Log pelayan ialah fail dan rekod aktiviti yang dihasilkan oleh Peranti yang anda gunakan untuk mengakses Selangkah atau Ciri-Ciri Selangkah. Sebagai contoh, log pelayan web boleh merekodkan sejarah permintaan halaman sedangkan log lain mungkin merekodkan kesalahan, percubaan akses atau maklumat lain mengenai Peranti anda, seperti alamat IP anda atau tetapan kuki Peranti anda. Kami mengumpulkan dan menyimpan log pelayan tersebut untuk tujuan pentadbiran, keselamatan dan penyelesaian masalah.

#### **BAGAIMANA KITA BERKONGSI DATA PERIBADI**

10. Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga tertentu, termasuk seperti di bawah:
  - a) Pasukan Petugas Kerajaan Negeri Selangor untuk Covid-19 (“STFC”);
  - b) agensi-agensi penguatkuasaan peraturan dan kerajaan seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi tanggungjawab kepada pihak berkuasa yang mengawal selia;
  - c) Gabungan dan anak syarikat kami untuk melaksanakan tujuan yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi ini;
  - d) Penyedia Perkhidmatan yang Diluluskan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang berkaitan sehubungan dengan penggunaan Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah anda, kecuali jika perkongsian tersebut dilarang oleh undang-undang bertulis;
  - e) Penyedia perkhidmatan, pembekal, ejen dan rakan niaga lain untuk membantu menyediakan produk dan perkhidmatan kami dan melaksanakan perkhidmatan bagi pihak kami seperti penyelenggaraan, perkhidmatan dan sokongan IT, analisis dan analitik, audit, pembayaran, pemasaran dan keselamatan.



11. Kami mungkin mendedahkan data peribadi anda dalam keadaan berikut:
- apabila kami yakin pendedahan itu diperlukan untuk mengelakkan kerosakan fizikal atau kerugian kewangan Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah;
  - untuk mewujudkan, melaksanakan, atau mempertahankan hak undang-undang kami;
  - sehubungan dengan penyiasatan mengenai penipuan yang disyaki atau sebenarnya, aktiviti haram, keselamatan, atau masalah teknikal;
  - Di samping itu, kami berhak untuk memindahkan maklumat peribadi yang kami ada tentang anda kepada pihak ketiga yang berkaitan ketika berlakunya penjualan atau pemindahan potensi atau sebenar bagi semua atau sebahagian daripada perniagaan atau aset kami (termasuk sekiranya berlaku penggabungan, pemerolehan, usaha sama, penyusunan semula, pelupusan, pemansuhan, atau pembubaran), atau transaksi perniagaan lain;
  - Kami juga mungkin berkongsi maklumat dengan cara lain yang mana kami berikan pemberitahuan khusus ketika proses pengumpulan berlaku dan dapatkan persetujuan anda setakat yang dikehendaki oleh undang-undang.

#### **PEMINDAHAN DATA**

12. Kami mungkin memindahkan maklumat peribadi yang kami kumpulkan mengenai anda ke negara lain di luar Malaysia, termasuk negara-negara di mana Penyedia Perkhidmatan, anak syarikat atau Penyedia Perkhidmatan yang Diluluskan milik kami beroperasi. Dengan menyetujui Kenyataan Privasi ini, anda memberi keizinan untuk kami memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia untuk tujuan yang dinyatakan di sini. Apabila kami memindahkan maklumat anda ke negara lain, kami akan melaksanakan langkah-langkah perlindungan yang sesuai bagi memastikan kami melindungi data peribadi anda seperti yang dijelaskan dalam Kenyataan Privasi ini dan berdasarkan PDPA.

#### **KAWALAN**

13. Untuk lebih meyakinkan anda mengenai tanggungjawab kami untuk melindungi data sebagai entiti milik negara, Seksyen 203A Kanun Keseksaan (*“Penal Code”*) memperuntukkan bahawa sesiapa yang mendedahkan sebarang maklumat yang telah diperolehnya dalam pelaksanaan tugas di bawah mana-mana undang-undang bertulis akan dihukum dengan denda tidak melebihi RM1,000,000.00 atau penjara selama tempoh yang boleh mencapai satu tahun, atau kedua-duanya.





## **KESELAMATAN: BAGAIMANA KAMI MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA**

14. Selangkah menggunakan pelayar web yang selamat dan pangkalan data kami disulitkan. Antara pelaksanaan keselamatan yang lain, kami memberi jaminan kepada anda bahawa kami telah mengambil langkah-langkah teknikal dan organisasi sesuai yang berkaitan untuk melindungi maklumat peribadi yang ditawarkan kepada kami menerusi Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah.
15. **Penafian:** Tiada kaedah penghantaran melalui Internet, atau kaedah penyimpanan elektronik, yang 100% selamat. Oleh itu, walaupun kami menggunakan usaha yang wajar untuk melindungi data peribadi anda, kami tidak dapat menjamin keselamatan mutlaknya.

## **PENYIMPANAN**

16. Data peribadi anda mungkin disimpan di dalam pelayan, sistem atau peranti yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh kami, Pihak Ketiga yang relevan atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dengan kami atau Pihak Ketiga yang berkaitan, atau pada Peranti anda, dan mungkin digunakan oleh kami (atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami) dan Penyedia Perkhidmatan yang Diluluskan untuk memudahkan penggunaan Selangkah atau Ciri-Ciri Selangkah.
17. Sejauh mana yang diizinkan oleh undang-undang, kami biasanya menyimpan data peribadi yang kami perolehi berkenaan dengan anda selagi ia diperlukan:
  - a) Untuk tujuan yang kami mendapatkannya dan selari dengan syarat-syarat Kenyataan Privasi ini, yang secara amnya bermaksud kami akan menyimpan data peribadi anda selama (i) pandemik Covid-19 wujud sebagai kesihatan awam kepada masyarakat kami; dan (ii) hubungan kami dalam penyediaan produk dan perkhidmatan menerusi Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah;
  - b) Untuk mempertimbangkan undang-undang tempoh pembatasan yang berlaku dan mematuhi undang-undang yang berkaitan;
  - c) Untuk tujuan perniagaan yang sah setakat yang diizinkan oleh undang-undang yang berkaitan.

Sejauhmana yang ditentukan oleh undang-undang, anda boleh meminta kami hapuskan data peribadi anda atau menyekat pemprosesan maklumat tersebut dengan menghubungi kami seperti yang dinyatakan di bawah.





## **AKSES DAN PEMBETULAN**

18. Anda boleh meminta untuk mengakses, mengubah, atau membetulkan maklumat yang dikirimkan kepada kami dengan menghantar e-mel kepada [info@selangkah.my](mailto:info@selangkah.my) dengan nama penuh dan nombor telefon yang anda kirimkan kepada Selangkah.
19. Apabila kami menerima e-mel anda, kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminda atau membetulkan maklumat anda (nama, nombor telefon dan tarikh dan masa lawatan ke premis) dari pusat pelayan kami.
20. Mengenai cara menguruskan kuki dan memilih keluar daripada pengiklanan dalam talian, pilihan anda akan dikhususkan kepada pelayar web atau Peranti yang anda gunakan ketika anda melaksanakan hak untuk memilih keluar; jika anda menggunakan beberapa pelayar web atau peranti, anda perlu memilih keluar daripada setiap pelayar web dan Peranti.

## **PERUBAHAN KEPADA PENYATA PRIVASI INI**

21. Kami mungkin mengkaji dan mengemas kini Kenyataan Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dan pengubahsuaian dalam Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah, undang-undang, perubahan dalam inisiatif penjejakan kontak dan harapan masyarakat yang berubah mengenai privasi. Penggunaan Selangkah atau Ciri-Ciri Selangkah yang berterusan oleh anda setelah perubahan atau pengubahsuaian diumumkan akan membentuk penerimaan anda terhadap perubahan atau pengubahsuaian berkenaan. Sekiranya anda tidak menyetujui sebarang perubahan atau pengubahsuaian pada Kenyataan Privasi ini, sila jangan gunakan Selangkah dan Ciri-Ciri Selangkah.
22. Anda dinasihatkan untuk memeriksa Kenyataan Privasi ini dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa anda mengambil maklum bagi versi terkininya setiap kali anda mengakses. Anda juga boleh menghubungi Selangkah di [info@selangkah.my](mailto:info@selangkah.my) untuk mendapatkan versi Kenyataan Privasi yang terbaharu pada bila-bila masa.